

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
KAWASAN : LANANG

SOALAN:

YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan lampu jalan yang akan diluluskan di kawasan Parlimen Lanang dan Sibu memandangkan ia merupakan salah satu punca kemalangan jalan raya dan kes jenayah dan bilangan lampu jalan serta jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di Sibu dan Sarawak pada tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016. Nyatakan status perkembangan terkini.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop pemasangan lampu jalan kebiasaannya tidak dilaksanakan sebagai satu projek yang khusus, sebaliknya ia akan dimasukkan dalam kontrak pembinaan sesuatu jalan. Bidang kuasa pihak yang bertanggungjawab untuk memasang dan menyelenggara lampu jalan adalah mengikut status sesuatu jalan berkenaan, iaitu sama ada Jalan Persekutuan (di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya), Jalan Negeri (di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri/JKR Negeri) atau Jalan Perbandaran (di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lampu-lampu jalan tidak dipasang di sepanjang Jalan Persekutuan kecuali di lokasi strategik keselamatan sahaja berikutan kos yang tinggi. Berdasarkan semakan kementerian ini, sebahagian besar lampu-lampu jalan di dalam kawasan Lanang dan Sibu terletak di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Sibu (MPS).

Mengenai jumlah peruntukan penyelenggaraan lampu jalan persekutuan di Lanang dan Sibu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh dari tahun 2011 hingga 2016, kementerian ini telah membelanjakan peruntukan keseluruhan sebanyak RM2.85 juta atau purata RM475,000 setahun. Lokasi lampu jalan yang terlibat ialah di sepanjang Jalan Persekutuan Pan Borneo (AH150) dalam bahagian Sibu.

Sekian. Terima kasih.